



**TERMA-TERMA RUJUKAN (TOR)
TABUNG KEBAJIKAN JABATAN HUTAN SARAWAK DI
BAWAH PENGURUSAN KELAB REKREASI DAN SOSIAL
JABATAN HUTAN SARAWAK (KELAB FORESSA)**

1. Nama

Tabung Kebajikan Jabatan Hutan Sarawak Anjuran Kelab FORESSA atau singkatannya Tabung Kebajikan JHS-FORESSA

2. Latar belakang

Tabung Kebajikan JHS-FORESSA ini ditubuhkan pada tahun 2012 atas arahan Pengarah Hutan supaya Kelab FORESSA mengambilalih Tabung Kebajikan Jabatan Hutan yang terdahulu. Pengambilalihan pengurusan Tabung Kebajikan ini adalah untuk memastikan pengurusan dana Tabung Kebajikan ini menjadi lebih teratur, cekap dan sah. Ini kerana Kelab FORESSA merupakan sebuah Kelab yang sah dan berdaftar di bawah Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Sarawak pada **29 November 2011** yang lalu.

3. Tujuan Penubuhan

Antara tujuan utama penubuhannya adalah untuk menjaga kepentingan dan kebajikan kakitangan JHS sendiri (ahli FORESSA) termasuk ahli keluarga mereka melalui penyaluran dana Tabung Kebajikan bagi membantu mereka yang memerlukan.

Skop bantuan Tabung Kebajikan JHS FORESSA ini telah diperluaskan bukan hanya memberi sumbangan berbentuk khairat kematian sahaja kepada ahli-ahli yang menyumbang tetapi diperluaskan kepada Sumbangan Wang Ehsan Bencana, Sumbangan Pendidikan dan Sumbangan Bantuan Khas.

4. Sumber Pendapatan

Sumber pendapatan atau dana bagi Tabung Kebajikan ini adalah daripada sumbangan yuran kebajikan daripada kakitangan JHS yang telah menjadi ahli-ahli Kelab FORESSA mengikut gred mereka dan juga berusaha mendapatkan sumbangan-sumbangan daripada pihak luar.

5. Kelayakan Mendapat Sumbangan

Sumbangan Tabungan Kebajikan hanya diberikan kepada kakitangan Jabatan Hutan Sarawak yang telah menjadi ahli Kelab FORESSA serta telah menjelaskan yuran bulanan sehingga bulan yang terkini sahaja mengikut gred perkhidmatan masing-masing.

6. Kadar Sumbangan Bulanan Ahli

Kadar sumbangan bulanan ahli-ahli kepada Tabung Kebajikan adalah seperti berikut:

N0.	GRED KAKITANGAN JHS	KADAR BAYARAN BULANAN* (RM)
1.	1 - 16	5
2.	17 - 26	10
3.	27 - 40	15
4.	41 - 44	20
5.	48 - 52	30
6.	54 ke atas	50

** termasuk yuran Kelab FORESSA & Tabung Kebajikan*

7. Katogeri Dan Kadar Sumbangan Tabung Kebajikan kepada Ahli-Ahli

7.1 Katogeri Khairat kematian

Kadar yang diberikan adalah seperti di bawah:

BIL.	JIKA BERLAKU KEMATIAN KEPADA	SUMBANGAN TABUNG KEBAJIKAN
1.	Ahli sendiri	RM1,000.00
2.	Suami/Isteri/Anak Ahli (anak kandung atau anak angkat yang sah di sisi undang-undang)	RM700.00
3.	Ibu/Bapa Ahli (ibu atau bapa kandung, ayah tiri atau ibu tiri yang sah disisi undang-undang)	RM500.00

Ahli yang mempunyai suami atau isteri dan adik beradik yang sama-sama berkhidmat di Jabatan Hutan hanya dibenarkan untuk mendapat satu kadar sumbangan sahaja.

7.2 Katogeri Sumbangan Wang Ehsan

Sumbangan wang ehsan minima sebanyak **RM200.00** akan diberikan kepada ahli yang ditimpa musibah atau bencana seperti berikut :

- a) Rumah kediaman ahli terbakar atau runtuh;
- b) Dilanda banjir teruk atau tanah runtuh atau gempa bumi;
- c) Kemalangan teruk yang mengakibatkan kemasukan ke wad; dan
- d) Sakit kritikal.

7.3. Katogeri Sumbangan Pendidikan

Sumbangan pendidikan minima sejumlah **RM200** turut diberikan kepada anak-anak kakitangan bagi menghadapi permulaan musim persekolahan (khas untuk anak-anak yatim atau anak-anak Ibu Tunggal di Jabatan Hutan), program persediaan peperiksaan dan sebagainya.

Bagi Hadiah Kecemerlangan Akademik, kadarnya adalah seperti berikut:

BIL.	PEPERIKSAAN	KELAYAKAN	SUMBANGAN
1.	UPSR	Sekurang-kurangnya minima mendapat gred A bagi tiga (3) matapelajaran	Setiap gred A akan dibayar RM20
2.	PMR	Sekurang-kurangnya minima mendapat gred A bagi enam (6) matapelajaran	Setiap gred A akan dibayar RM25
3.	SPM	Sekurang-kurangnya minima mendapat gred A bagi enam (6) matapelajaran	Setiap gred A akan dibayar RM30
4.	STPM	Sekurang-kurangnya minima mendapat Prinsiple A bagi dua (2) matapelajaran	Setiap Prinsiple A akan dibayar RM40
5.	Diploma/Ijazah/Master/PHD	Kakitangan JHS yang berjaya menamatkan pengajian dengan gred CGPA 3.500 ke atas	Dibayar minima RM200

7.4. Katogeri Sumbangan Khas

Sumbangan khas minima sejumlah **RM200** boleh diberikan kepada kakitangan yang baru berkahwin, mendapatkan anak pertama dan yang akan bersara di Jabatan Hutan.

Ahli yang mempunyai suami atau isteri yang sama-sama berkhidmat di Jabatan Hutan hanya dibenarkan untuk mendapat satu kadar sumbangan sahaja.

8. Prosedur Memohon Sumbangan Tabung Kebajikan

Bagi setiap kakitangan JHS (ahli FORESSA) yang layak, kakitangan tersebut atau wakil daripada Kelab FORESSA Cawangan boleh memohon sumbangan Tabung Kebajikan dengan mengisi **Borang Permohonan** (seperti dilampirkan) dan mengemukakan salinan dokumen pengesahan berkaitan. Borang Permohonan hendaklah dihantar kepada **Presiden Kelab FORESSA Induk** dan mesti melalui **Pengerusi FORESSA Cawangan** atau **AJK Tertinggi FORESSA Cawangan** yang lain. Borang Permohonan hendaklah dihantar segera sama ada melalui "by-hand" atau fak atau e-mail bagi membolehkan setiap permohonan diproses dengan kadar segera.

Setelah permohonan mendapat sumbangan Tabung Kebajikan diluluskan oleh Presiden Kelab FORESSA Induk, pihak Bendahari akan menyediakan cek Tabung Kebajikan tersebut mengikut jumlah sumbangan yang telah ditetapkan dan akan dihantar kepada FORESSA Cawangan untuk diagihkan kepada ahli yang memohon tersebut.

Presiden Kelab FORESSA juga mempunyai kuasa untuk **tidak meluluskan** permohonan tersebut atas sebab-sebab yang tertentu seperti Borang Permohonan tidak lengkap, tidak disertakan dokumen sokongan, terdapat unsur-unsur penipuan dan sebagainya. Keputusan ini turut dimajukan kepada Pengerusi FORESSA Cawangan untuk makluman dan tindakan lanjut.

9. Penutup

Terma-Terma Rujukan Tabung Kebajikan JHS-FORESSA ini adalah merupakan garis panduan semasa yang berkuatkuasa sekarang dan ianya adalah dinamik tertakluk kepada pindaan mengikut keadaan dan situasi semasa. Jawatankuasa Induk Kelab FORESSA Induk mempunyai kuasa untuk meminda setiap perkara dalam Terma-Terma Rujukan ini setelah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kelab FORESSA.



BORANG PERMOHONAN
BAGI MENDAPAT SUMBANGAN TABUNG KEBAJIKAN JABATAN HUTAN
SARAWAK ANJURAN KELAB REKREASI DAN SOSIAL JABATAN HUTAN
SARAWAK (KELAB FORESSA)

Kepada: **Presiden**
Kelab FORESSA Induk
c/o Ibu Pejabat Jabatan Hutan Sarawak
Wisma Sumber Alam, Jalan Stadium
Petra Jaya, Kuching, Sarawak.
(No. Fak: 082-441377)

Melalui: **Pengerusi/Timbalan Pengerusi/Setiausaha**
Kelab FORESSA Cawangan Nama:
Tandatangan:
Tarikh/Cop Kelab:

MEMOHON SUMBANGAN TABUNG KEBAJIKAN JHS-FORESSA BAGI
KATOGERI.....

Nama Pemohon:

No. Kad Pengenalan:

Alamat Tempat Bertugas:

Tel.: E-mail:

Tarikh Mula Menjadi Ahli Kelab FORESSA:

Kategori Sumbangan Dipohon: *(sila tandakan X di petak berkenaan)*

1. **Khairat kematian:**

Suami / Isteri / Anak*

Ibu / Bapa

* *Potong yang tidak berkenaan*

Sila nyatakan tarikh kematian :

2. **Wang Ehsan**

Sila nyatakan sebab permohonan :

3. Pendidikan

Sila nyatakan sebab permohonan :

Kecemerlangan akademik anak ahli bagi Tahun

UPSR – Keputusan:

PMR – Keputusan:

SPM – Keputusan:

STPM – Keputusan:

Diploma/Ijazah/Master/PHD – Keputusan:.....

4. Sumbangan Khas

Sila nyatakan sebab permohonan :

Bersama-sama ini disertakan salinan dokumen yang telah disahkan bagi menyokong permohonan saya seperti berikut:

Sijil Kematian

Sijil Nikah

Sijil Kelahiran

Keputusan Peperiksaan

Sekian, terima kasih.

.....
(Tandatangan Pemohon/Wakil Pemohon)

(Nama Pemohon/Wakil Pemohon:

Tarikh:

KEPUTUSAN PRESIDEN KELAB FORESSA INDUK

Permohonan di atas *diluluskan / tidak diluluskan.*

Tarikh:

Tandatangan Presiden:

s.k. : Bendahari/ Setiausaha Agong/Ketua Biro Kebajikan KELAB FORESSA INDUK

Pengerusi FORESSA Cawangan